

**BENCANA BANJIR DI DAERAH BATU PAHAT : SUARA ANGGOTA KESIHATAN**

**FLOOD DISASTER IN BATU PAHAT DISTRICT : VOICES OF HEALTH STAFFS**

*D Kamil, G Baesah, MY Dewi Murni*

**ABSTRACT**

Flooding is the most frequent of all natural disasters. A flood is any water flow that exceeds the capacity of the drainage system and usually subsides in relatively shorter period. However, the flood that hit Batu Pahat District were different from other districts. Batu Pahat flooding extended for 48 days from the first wave until it subsided fully. It gives positive and negative effects not only to the victims but also to the health care workers (HCWs) while executing their duties during and post flood. This write up aims to share HCW's experience and voices from those who were involved in the flood disaster. Methods used are brainstorming sessions, discussion, observation and interview. From this study, 10 main themes were highlighted. This flood disaster has given the HCWs to prepare mentally, physically and increase knowledge and skills to face any disaster in the future.

**Keywords :** Flood disaster, health care worker (HCW), HCW's experience and voice.

---

*Correspondence to: Kamil Daud,  
Pejabat Kesihatan Batu Pahat, Johor.*

## PENGENALAN

Bencana banjir yang melanda Daerah Batu Pahat bermula dari 19 Disember 2006 hingga 12 Februari 2007 melibatkan seramai 52,408 orang (13.4%) daripada 390,500 orang penduduk Daerah Batu Pahat dan ditempatkan di 125 pusat pemindahan<sup>1</sup>. Daerah Batu Pahat telah membentuk 2 jenis pasukan iaitu pasukan perubatan dan pasukan kesihatan bagi membantu mangsa-mangsa banjir di pusat pemindahan banjir dan di rumah mangsa banjir selepas mereka pulang. Jumlah keseluruhan pasukan yang dibentuk terdiri daripada 24 pasukan perubatan (120 anggota) dan 15 pasukan kesihatan (45 anggota) semasa banjir gelombang pertama; dan 30 pasukan perubatan (150 anggota) dan 27 pasukan kesihatan (81 anggota) semasa banjir gelombang kedua. Pasukan ini akan melawat semua pusat pemindahan banjir pada setiap hari dan mereka bertugas dari pukul 8 pagi sehingga 12 malam<sup>2</sup>. Justru tujuan penulisan ini adalah untuk berkongsi suara hati dan pengalaman anggota kesihatan dalam melaksanakan tugas semasa dan selepas bencana banjir agar lebih bersiap sedia dari segi pengetahuan dan kemahiran bagi menghadapi sebarang kebarangkalian bencana alam di masa hadapan.

## METODOLOGI

Laporan ini dihasilkan dengan mengadakan percambahan fikiran, pemerhatian, perbincangan kumpulan kecil dan temu bual di kalangan anggota kesihatan. Pemerhatian dilakukan sepanjang kejadian banjir dan juga selepas bencana. Perbincangan dan percambahan fikiran telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Kesihatan Batu Pahat dan dihadiri oleh beberapa orang petugas kesihatan.

## KEPUTUSAN

Dari analisa dan pengamatan yang dilakukan, suara anggota kesihatan telah dibahagikan kepada sepuluh tema. Kesemua tema-tema ini adalah berkaitan dengan tugas-tugas yang dijalankan. Tema yang dimaksudkan adalah anggota dengan pelbagai tugas, kerja berulang, penentuan tempat dan pasukan petugas, bebanan mesyuarat harian / mingguan, kamilah petugas dan kamilah mangsa, ketua yang perihatin dan proaktif, makan apa yang ada, stres petugas di bilik gerakan, layanan pilih kasih dan berkorban apa sahaja.

## Anggota Dengan Pelbagai Tugas

Dalam keadaan bencana, anggota kesihatan berupaya untuk menjalankan tugas yang tidak lazim dilakukan. Tambahan pula pasukan yang sedia ada tidak lengkap kerana kebanyakannya tiada pegawai perubatan. Sebagai contoh seorang Jururawat Terlatih terpaksa memberi ubat *Daonil* kepada seorang wanita wargatua yang mengidap diabetes setelah diketahui wanita tersebut telah kehabisan bekalan ubat akibat dihanyut air. Beliau juga telah menyelamatkan 5 pesakit ibu hamil dan lepas bersalin keluar daripada rumah kediaman klinik kesihatan yang berhampiran menggunakan kenderaan sendiri disebabkan kekurangan pemandu dan kenderaan. Pasukan perubatan juga perlu membuat pemantauan di pusat-pusat pemindahan banjir berkaitan kebersihan persekitaran, penyediaan makanan, kebersihan tandas, bekalan air dan sebagainya. Tugas ini lazimnya dijalankan oleh pasukan kesihatan. Namun begitu Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih mengambil alih tugas dengan memastikan tugas seperti penyemburan lalat dijalankan oleh Pekerja Rendah Awam.

## Kerja Berulang

Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pasukan perubatan bantuan dan sukarelawan dari luar daerah. Kehadiran pasukan ini telah dapat membantu meringankan beban kerja pasukan perubatan tempatan. Walaubagaimana pun sedikit kesukaran dihadapi dari mana pasukan perubatan dan sukarelawan dari badan bukan kerajaan (NGO) yang datang untuk membantu terus saja ke pusat pemindahan tanpa memakumkan kepada Pegawai Kesihatan Daerah. Mereka membuat pemeriksaan kepada mangsa di pusat pemindahan mengikut kesesuaian sendiri. Lawatan yang tidak dirancang ini menyebabkan lawatan dan pemeriksaan oleh pasukan perubatan berulang kali, sementara lawatan pasukan perubatan ke pusat pemindahan lain yang lebih jauh dan di kawasan pedalaman telah tertangguh. Sekiranya ada memorendum kesefahaman (MOU) dibuat maka masalah kerja berulang tidak akan berlaku.

## Penentuan Tempat Dan Pasukan Petugas

Walaupun dalam keadaan bencana, sistem jadual kerja tetap diwujudkan bagi memantau kelancaran aktiviti harian diperingkat daerah dan peringkat klinik kesihatan. Di

peringkat daerah jadual akan disediakan oleh Penolong Pegawai Perubatan U 32, manakala di Klinik Kesihatan Penolong Pegawai Perubatan U 29 atau Jururawat U 29 dipertanggungjawabkan untuk menyediakan jadual harian. Jadual ini diadakan bagi memastikan senarai anggota yang ditugaskan untuk membuat lawatan ke pusat pemindahan dan juga memastikan setiap pusat pemindahan dilawati 2 kali sehari. Sebagai contoh sebelum jadual harian untuk ke pusat pemindahan dibuat ada petugas pasukan perubatan cuba mengelak dengan alasan yang tidak munasabah. Dengan ketiadaan jadual juga petugas perubatan akan memilih pusat pemindahan yang disukai dan memilih rakan pasukan yang bersesuaian dengannya. Tetapi dengan adanya jadual, petugas akur dengan arahan walaupun penat dan letih disebabkan rehat yang tidak mencukupi.

#### ***Bebanan Mesyuarat Harian / Mingguan***

Walaupun sibuk, mesyuarat harian serta mingguan daerah tetap diadakan diantara Pegawai Kesihatan Daerah dengan Ketua-ketua Unit. Sementara di peringkat klinik kesihatan mesyuarat juga di adakan bersama anggota masing-masing untuk membentangkan dan membincangkan laporan aktiviti terkini. Segala permasalahan yang dihadapi telah diselesaikan sebaik mungkin. Perancangan untuk penambahbaikan perkhidmatan dinilai dan dipantau setiap hari hasil aduan daripada petugas pasukan perubatan, orang awam dan mangsa banjir. Seandainya mesyuarat tidak dapat diadakan pada waktu siang, maka mesyuarat telah diadakan di sebelah malam.

#### ***Kamilah Petugas Dan Kamilah Mangsa***

Sokongan dan motivasi juga diberikan kepada anggota pasukan perubatan dan kesihatan serta anggota kesihatan yang menjadi mangsa banjir. Kaunseling secara berterusan telah dijalankan bagi meningkatkan ketahanan mental dan mengurangkan tekanan emosi terutama kepada petugas banjir yang juga menjadi mangsa banjir. Walaupun bilangan mereka tidak direkodkan tetapi melalui aduan dan luahan perasaan daripada petugas banjir semasa mesyuarat harian / mingguan telah menggambarkan mereka berada di dalam keadaan tertekan. Program ini melibatkan Pakar Psikiatri dari Hospital Permai Johor Bahru dan Hospital Ulu Kinta, Perak dan juga kaunselor tempatan. Program motivasi ini telah dapat meningkatkan

semangat dan ketahanan mental dan emosi petugas untuk terus tabah menjalankan tugas. Sebagai contoh, seorang petugas pasukan perubatan, Jururawat U 29 yang merupakan mangsa banjir, telah mengalami stres. Beliau telah mendiamkan diri di pusat pemindahan banjir hampir seminggu. Walaupun telah dipujuk oleh ketua Unit dan rakan-rakan setugas supaya hadir bertugas tetapi beliau tetap enggan berbuat demikian. Setelah di beri kaunseling secara berterusan akhirnya beliau boleh menerima hakikat dan kembali bertugas seperti biasa.

#### ***Ketua Yang Perihatin Dan Proaktif***

Bencana banjir juga telah dapat menampilkan ramai ketua yang prihatin dan proaktif dikalangan anggota kesihatan. Mereka lebih berkeupayaan merancang dan melaksanakan semua tugas tanpa diarah serta bertindak secara proaktif dalam menanganikan sebarang kemungkinan. Beliau tidak hanya mengutamakan kebajikan mangsa banjir tetapi juga kebajikan petugas banjir. Beliau berupaya mengagihkan tugas secara saksama kepada ahli pasukan dan juga berupaya bertindak mengikut keutamaan. Sebagai contoh seorang Ketua Pasukan Perubatan telah menerima maklumat adanya kejadian konjuntivitis di pusat pemindahan. Tindakan segera darinya ialah memberi rawatan segera, merujuk segera 3 kes yang teruk ke hospital dan mengasingkan 7 kes yang sederhana teruk di kuarters kosong di klinik kesihatan buat sementara waktu sebelum wad isolasi konjuntivitis daerah dibuka. Beliau juga mengarahkan pasukan perubatan mengesan kontak disemua pusat pemindahan. Tindakan proaktif beliau telah menghalang penyakit ini dari merebak dengan cepat. Kebajikan anggota juga tidak dilupakan seperti menempatkan anggota yang terlibat banjir di kuarters kosong di klinik Kesihatan dan di Dewan Pejabat Kesihatan Batu Pahat.

#### ***Makan apa yang ada***

Semasa bertugas tiada waktu rehat dan makan bagi petugas perubatan kerana kesibukan merawat mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan. Terdapat dikalangan anggota perubatan dan kesihatan yang tidak sempat langsung menjamah makanan seharian. Jika bernasib baik mereka akan makan makanan yang dimasak di pusat pemindahan banjir dengan ihsan para petugas di pusat pemindahan banjir.

Di atas keprihatinan Ketua Jabatan, barulah semua petugas telah dibekalkan dengan air mineral dan roti sebagai bekalan semasa bertugas.

### ***Stres petugas di bilik gerakan***

Sebanyak 32 reten dihantar oleh petugas bilik gerakan daerah setiap hari ke Bilik Gerakan Negeri. Adakalanya reten yang diminta berulang / bertindih serta format berubah-ubah dan di perlukan dalam kadar segera hingga menimbulkan stres kepada petugas. Oleh kerana terdedah dengan komputer setiap hari salah seorang petugas di bilik gerakan menghadapi masalah mata (rabun).

### ***Layanan pilih kasih***

Bagi petugas kesihatan (unit inspektorat) salah satu rutin semasa banjir ialah pemantauan dari segi kebersihan dan penyediaan makanan di pusat-pusat pemindahan banjir. Terdapat disetengah tempat dimana apabila lawatan dan pemantauan dilakukan, mangsa di pusat pemindahan kurang memberikan layanan dan kerjasama yang sepatutnya kepada pasukan kesihatan atas alasan mereka tidak suka ditegur dan diarah. Namun begitu berlainan pula dengan pasukan perubatan yang datang untuk membuat rawatan atau memberikan pendidikan kesihatan, mereka dilayan dan diberikan kerjasama yang baik oleh petugas pusat pemindahan serta mangsa banjir.

### ***Berkorban apa sahaja***

Bagi memastikan tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna kebanyakan petugas kesihatan sanggup berkorban masa, tenaga dan wang ringgit. Contohnya, untuk mendapatkan maklumat banjir dan berhubung antara satu dengan lain semasa di lapangan mereka terpaksa menggunakan telefon sendiri yang jumlah bilnya meningkat berkali ganda daripada hari biasa. Walaupun tidak dibekalkan dengan kemudahan membuat tuntutan mereka sanggup berkorban asalkan kerja dapat diselesaikan. Selain itu masa untuk bersama keluarga juga amat terhad sehinggalah ada petugas yang langsung tidak bertemu muka dengan keluarganya selama 9 hari disebabkan

tinggal di pusat pemindahan yang berasingan dengan keluarganya.

## **PERBINCANGAN**

Hasil pengajaran dari bencana banjir yang melanda Daerah Batu Pahat mendapati semangat kerja berpasukan yang tinggi amat diperlukan di semua peringkat bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada mangsa banjir. Walaupun dalam keadaan keupayaan yang terbatas tetapi anggota perubatan dan kesihatan dapat melaksanakan pelbagai tugas. Selaku pemimpin yang prihatin dan proaktif mereka juga berupaya memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pasukan petugas dan mangsa banjir. Namun begitu dorongan dan motivasi secara berterusan diperlukan bagi memastikan moral serta ketahanan mental dan fizikal anggota ditahap yang optima. Beberapa cadangan dikemukakan hasil daripada luahan suara hati anggota perubatan dan kesihatan semasa bertugas dalam menghadapi bencana banjir diantaranya ialah mengadakan kursus pengendalian bencana bagi semua anggota agar mereka lebih bersiap sedia menghadapi situasi sedemikian. Bagi tujuan pendedahan dan pembelajaran adalah wajar jika petugas kesihatan diberi peluang melawat sambil belajar ke kawasan bencana samada dalam ataupun luar negara. Selain itu Jabatan perlu menyediakan peralatan dan kelengkapan yang mencukupi seperti kenderaan yang sesuai serta telefon mudah alih bagi kegunaan petugas banjir.

## **KESIMPULAN**

Pada keseluruhannya bencana banjir telah memberi pengajaran berguna kepada petugas perubatan dan kesihatan agar lebih bersiap sedia dari segi fizikal, mental, pengetahuan dan kemahiran bagi menghadapi sebarang kebarangkalian bencana alam di masa hadapan.

## **RUJUKAN**

1. Laporan penuh banjir Daerah Batu Pahat Disember 2006-Februari 2007
2. Laporan Banjir Besar Jab. Kesihatan Negeri Johor Disember 2006-Februari 2007